

**Mahathir Tekankan Keperluan Belajar Etika Kerja Jepun, Korea Selatan**  
**Bernama**  
**13 Disember, 2012**

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menyarankan penubuhan institusi pengajian tinggi (IPT) serta pusat latihan bagi membolehkan rakyat Malaysia mempelajari sistem etika kerja dan nilai budaya Jepun dan Korea Selatan.

Dr Mahathir berkata budaya, nilai terpuji dan tahap disiplin yang diamalkan di kedua-dua negara itu mampu mendorong kepada kejayaan gemilang oleh sesiapa yang mempraktikkannya.

"Saya percaya kejayaan Jepun dan Korea Selatan adalah disebabkan etika kerja yang diaplikasikan dalam semua bidang kerjaya yang mereka ceburi, dan kita perlu mencontohi nilai murni selain mampu berdaya saing di samping mempunyai semangat patriotik yang tinggi," katanya.

Dr Mahathir berucap pada jamuan malam sempena sambutan ulang tahun ke-30 Dasar Pandang ke Timur (DPT) di sini Rabu.

Turut hadir isteri beliau Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Dr Ali Hamsa, Duta Besar Jepun ke Malaysia Shigeru Nakamura dan Duta Besar Korea Selatan, Lee Yong-joon.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=915003>